

1MDB JAWAB
Chedet.cc
12 April 2016
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Banyak soalan telah dijawab oleh 1MDB. Tetapi tidak ada satu pun yang boleh dipercayai.
2. Hari ini 1MDB menjawab kenyataan akhbar yang dibuat oleh International Petroleum Investment Company (IPIC) bahawa IPIC dan anak syarikatnya Aabar Investment PJS (Aabar) yang didaftarkan dibawah undang-undang Abu Dhabi dan UAE, bahawa Aabar BVI (British Virgin Islands) bukanlah dari kumpulan mereka. Juga IPIC dan Aabar mengesahkan bahawa mereka tidak pernah terima bayaran dari Aabar BVI, dan mereka juga membuat pengakuan terhadap sebarang tanggungan (liabilities) bagi pihak Aabar BVI (seperti yang dinyatakan oleh 1MDB).
3. 1MDB menjawab bahawa dalam kenyataan terbuka yang diaudit pada 31.03.2014 menunjuk rekodnya telah dibayar kepada Aabar BVI.
4. Segala kenyataan oleh 1MDB tidak pernah disokong oleh dokumen apa-apa. Ini termasuk pemulangan wang dari Kepulauan Caymans yang kononnya di simpan di BSI Singapura. Kemudian BSI berkata tidak ada wang berkenaan yang disimpan oleh 1MDB dengannya. Lantas 1MDB menjawab simpanan itu bukan berbentuk wang tetapi berbentuk "unit". Tidak ada penjelasan atau dokumen nilai sesuatu unit dan jumlah unit. Jelas bahawa dakwaan ini adalah satu pembohongan.
5. Kononnya dari RM2.6 bilion RM2.3 bilion sudah pulangkan kepada "penderma". Tetapi wang (atau unit) ini telah dibekukan. Kalau dah beku, bagaimana dan bila wang ini dicairkan dan dipulangkan kepada "penderma" yang tidak boleh dikenalpasti. Hakikatnya semua kenyataan 1MDB dan A.G. juga tidak boleh dipercayai.
6. Aabar BVI didapati bukanlah Aabar anak syarikat IPIC. 1MDB kerap mengguna nama syarikat lain supaya dipercayai orang. Demikian apabila terdapat sebuah syarikat Amerika yang bernama Blackstone Group, maka sebuah syarikat di Hong Kong pun diberi nama "Blackstone Asia Real Estate Partners" supaya difikir syarikat ini ada kaitan dengan syarikat Blackstone Group di Amerika. Blackstone Group dilapor menafikan bahawa "Blackstone Asia Real Estate Partners" mempunyai kaitan dengannya.
7. Laporan dalam buku-buku 1MDB tidak boleh dipercayai sama sekali. Jika laporan media asing adalah fitnah dan tidak berasas, tuduhan saman malu boleh dibuat terhadap media berkenaan di negara mereka. Tetapi walaupun media asing ini membuat bermacam tuduhan terhadap Najib, seperti melapor Najib rasuah, Menteri Kewangan yang terburuk didunia, memiliki RM 2.6 bilion dalam akaun peribadi yang datangnya dari 1MDB, Najib tidak pernah bertindak saman malu terhadap WSJ atau Sarawak Report atau Washington Post dan lain-lain. Jika dakwaan mereka tidak berasas kebenaran saman malu oleh Najib bukan sahaja akan menghasil ganti rugi berjuta dollar tetapi dakwaan buruk terhadapnya akan berhenti. Tidak adanya saman malu oleh Najib mengesahkan tuduhan mereka adalah benar.
8. Kerana semua dakwaan pihak asing tidak menarik tindakan undang-undang maka penafian 1MDB yang dipimpin oleh Najib tidak dapat diterima sama sekali.

9. Demikian juga bahagian-bahagian dalam laporan PAC yang berasas kepada kenyataan 1MDB bahawa Najib tidak terlibat dengan segala salahlaku, tidak boleh diterima. Lagipun sebagai PM dan Menteri Kewangan serta Penasihat kepada 1MDB, membiar pegawai dibawahnya membuat berbagai keputusan berkenaan berbilion dilabur, dipindah, diberi pinjam, dihilangkan menunjuk sikap tidak mengambil berat terhadap wang Kerajaan yang begitu banyak. Najib tidak menjalankan tanggungan fiduciary dengan bertanggungjawab. Ini adalah satu kesalahan besar walaupun laporan PAC menuding jari ke arah Shahrol Azral Ibrahim Hilmi sepenuhnya. Sementara tindakan terhadap Shahrol perlu diambil, tindakan terhadap penasihat 1MDB yang mewakili Kerajaan tidak boleh diketepikan.

19 thoughts on "1MDB JAWAB"

1. [Log in to Reply](#) **BabaArne** [Apr 13, 2016 11:40 AM](#)

Assalamualaikum Tun,

AG tak terima kertas siasatan dari polis, Keterangan dari SPRM dan Gabenor Bank Negara dirumuskan tidak perlu tindakan susulan kerana tiada salah laku jenayah, takkan PAC dengan nisbah 8 ahli kerajaan 5 pembangkang dipengerusikan oleh ahli parlimen yang baru dapat kerusi dan jawatan nak bantah AG pula.

PAC ni kan kita dari dulu di kenali sebagai Rubber Stamp, bukan ada kuku pun. Apa yang kerajaan putuskan cuma perlu cop sah saja, nanti memandai-mandai bangkang, pengerusi hilang jawatan pula.

Tentang peguam atau penasihat undang-undang nak ambil tindakan saman terhadap akhbar luar negara kita lupakan saja. Mereka pun tahu, kalau mereka benar dah lama mereka dah songket akhbar atau media asing ni, lagi pun mereka tahu akhbar lebih-lebih lagi dari Amerika seperti Washington post atau NY Times memang ada track record mendesak President meletak jawatan (Richard Nixon) atau menghebahkan skandal rasuah polis New York dengan artikel yang disiarkan, media asing ni lebih berwibawa. Bukan macam media arus perdana kita, cuma ikut arus saja.

Kalau arus tu menuju ke neraka depa dayung sama-sama. Kalau tak ikut nanti kena pih telinga atau tak merasa nak pakai gelaran datuk atau datuk Seri dan seterusnya. Macamlah gelaran ni diterima pakai di akhirat nanti.

Lagi satu sebab mereka tak akan saman kerana dengan keterangan yang media asing ni kemukakan di perbicaraan nanti, silap-silap bukan defendan yang kena masak, silap-silap plaintif pula yang hangus kena rebus. Penasihat kata buat apa nak cari penyakit.

Jadi ayat yang selamat digunakan sekarang adalah semua kena hormati mandat yang rakyat beri ada lagi dua tahun, padahal masa suruh pak lah turun dulu tak tunggu pun mandat rakyat untuk pak lah tamat. Jadi sementara tunggu mandat rakyat PRU 13 ni tamat..... tuan-tuan isilah sendiri ruang kosong tu.

Terima kasih Tun semoga sihat sejahtera.

2. [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** [Apr 13, 2016 10:40 AM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Kini, tibalah masa kerajaan meneliti sistem pentadbiran Negara. Kita harus mempraktikkan pengasingan dan pengagihan kuasa yang lebih rapi, di mana,

- a. Seseorang pemimpin tidak harus menguasai pelbagai portfolio, sehingga meletakkannya di dalam kedudukan diktator;
- b. Badan-badan peneliti harus berfungsi tanpa campur-tangan politik seperti SPRM, Bank Negara dan sebagainya;
- c. Khazanah Holdings telah lama wujud, untuk mengurus pelaburan Negara. Tak usahlah adanya 1MDB;
- d. Salah-laku pemegang jawatan tinggi dalam sektor perkhidmatan awan tidak harus ditoleransikan. Kita sering dengar salah-laku yang dilapor oleh Jabatan Audit Negara, namun tiadanya tindakan menghukum yang setimpal. Ketua-ketua yang terbabit harus dipanggil-jawab dan dibuang kerja jika disabit kesalahan, untuk mengikis gejala kotor dan haram.

3. [Log in to Reply wajaperak](#) Apr 13, 2016 10:09 AM

Assallammualaikum Tun.

Saya mohon ruangan..

[nafeeznoh]

Saudara..kebenaran itu pahit..Jadi kebanyakan 'orang-orang tua' (saya pun) keberatan nak tunjuk ajar orang-orang muda..Biar mereka rasa sendiri..Atau buat ajaran sesat ikut kepala otak sendiri..))

Sebagai seorang pelajar tentu saudara tahu prinsip asas bagi pendidikan 'tertiary education' adalah pertukaran maklumat.Pensyarah saya pernah berkata..

"Kami di sini membantu anda untuk membimbing,bukan mengajar seperti di darjah satu"..Membimbing di sini bermaksud hanya memberi panduan apa yang perlu di lakukan dalam usaha mencari ilmu.Kebanyakan mahasiswa di Malaysia tidak peduli akan keperluan ilmu itu sendiri.Yang penting bagaimana siapkan assignment (salin,fotostat,copy,bayar,pujuk dan lain-lain).

Intipati ilmu itu sendiri tidak diperdulikan melainkan 'core knowledge' seperti bidang perubatan dan ketenteraan.

'Dosa' najib yang terbesar ialah memperdayakan rakyat.Dia memecahbelahkan perpaduan rakyat yang susah payah di bina oleh pemimpin-pemimpin sebelum ?Tun ? Abdullah Badawi.

'Dosa' beliau yang lain ialah membiarkan rakyat marhaen menderita seperti penoreh getah,peladang,nelayan,pekerja-pekerja kilang dan kuli-kuli seperti saya.

Keperluan asas kemudahan kesihatan dan perubatan jangan sekali-kali diganggu-gugat walau apa jua alasan sekali pun.

najib mengabaikan kemudahan asas perubatan dan kesihatan dan ini cukuplah menunjukkan betapa 'tidak bijaknya seseorang pemimpin'..

Tun seorang Pegawai Perubatan.

Betapa sukarnya tugas ini tidaklah dimengertikan oleh orang-orang yang tiada kemahiran klinikal.

Saya rasa pendekatan permasalahan ini perlulah dilihat dari perspektif

KLINIKAL..

Terima kasih Tun.

4. [Log in to Reply amd trmz](#) Apr 13, 2016 9:33 AM

SULTAN AL NEJIB

Ibarat sultan menitah sesuatu, tiada dokumentasi, tiada rekod, tiada minit mesyuarat. Tetiba memanda menteri disalahkan, dihukumi. Nejob sebagai sultan one n di bee, apakah rekod kenyataan anda, arahan anda dimana???. Tetiba anda KAMBING HITAMKAN bekas ceo one n di bee. Adakah Pee A Sii tidak siasat kenyataan anda, arahan anda, perintah anda?????????

SULTAN AL NEJIB NUAN NUAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABDUL ROJAK SHAH

Nejob bersultan dimata, beraja dihati

5. [Log in to Reply malaysian1000000](#) Apr 13, 2016 9:21 AM

Salam,

Sekarang kita faham lah kenapa masa PAC minta statement untuk off-shore banking 1MDB tidak mahu beri. Audit 1MDB dengan mandat PM boleh tangguh sampai 6 bulan. Menipu rupanya. TERANG LAGI BERSULUH tidak boleh selindung lagi.

Seriously berapa ketirisan sebenarnya, sepanjang 6 tahun berkuasa hutang negara sampai bertambah 500 billion@lima ratus ribu juta@500,000,000.00 billion. Setengah Trillion. Setakat FDI untuk sukuk pertama 5.5billion@1% daripada hutang. Berapa banyak sukuk nak cover. 100 sukuk? Itupun kalau hutang tidak bertambah.

Macam mana orang ramai tidak panik, belanja negara besar. Dana – dana awam pun sudah “disentuh”. Pembangunan strategik luar negara mana yang kerajaan kita buat ni. Yang dah ada pun terjual. Nasib baik TUN dah privatize banyak GLC sebelum TUN resign. Kalau tidak, semua boleh tergadai. Takkan lepas ni nak dijual semua GLC.

Kalau macam inilah, gamaknya rakyat Malaysia yang tinggal dalam Malaysia ialah blacklist PTPTN, bankrupt person, UMNO totok ajelah. Yang lain migrate.

Arab kena tawan dengan peperangan, Malaysia kena tawan dengan kebodohan badut – badut.

TQ

6. [Log in to Reply sibotak](#) Apr 13, 2016 9:14 AM

The Failure of 1MDB is a Failure of Najib Razak

He is the Founder He is the Player

Why Fail ?

What is 1MDB ?

Having Najib irresponsible of his responsibility is the answer to most of Najib Failure

These will Bankrupt Malaysia sooner .

Looking at how he submits himself to Singapore at Malaysia expense
Is another indication Najib is a Horrible Irresponsible leader

Simply Najib does not Fit to be PM
He is simple minded , very splendid leader ,cares for himself
He has to go or be kick out

7. [Log in to Reply malaysian1000000Apr 13,2016 8:34 AM](#)

Salam,

Sekali imbas, sebiji kes Scorpene dulu. Jika Aabar BVI yang salah, pelik kerana belum ada apa-apa tindakan diambil oleh kerajaan Malaysia. Ini kes fraud besar-besaran yang dilakukan oleh syarikat off-shore dengan niat memperdaya kerajaan negara Malaysia dengan pelaburan dana awam.

Atau, Kerajaan Malaysia memang menghalalkan perkara ini kerana komisen sudah dapat.

1 soalan, tanah TRX yang dijual oleh Edra kepada IPIC itu adalah kepada "real IPIC" atau "fake IPIC".
Kau jangan cari pasal Jibby, duit dah bagi, tanah pun kau nak bagi.

Ini lah kes membangsatkan Malaysia namanya. Tolonglah dakwa Jibby ini. Jika dalam Malaysia tidak boleh, at least bawa kes ke Singapura. Aku memang teringin nak tengok Jibby and gang meringkuk dalam penjara. Tapi sebelum itu, bagi setiap rakyat Malaysia ini LEMPANG BUAYA si Jibby ni, sekali pun jadi lah.

TQ

8. [Log in to Reply daengApr 13,2016 6:45 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Setuju dengan kenyataan Tun ini dan setuju juga dengan kenyataan Novo.

Najib sememangnya bod*h dan banyak diperbodohkan oleh pengerusi dan lembaga pengarah 1MDB.

Bukan disitu saja jika kita perhalusi isu-isu yang berbangkit di bawah MARA di Australia juga diperbodohkan oleh Anuar Musa, isu di KBS juga diperbodohkan oleh Khairy Jamaludin, isu pembalakan haram di Pahang banyak diperbodohkan oleh manusia satu negeri dengannya, isu Altantuya diperbodohkan oleh isterinya, isu pentadbiran negara diperbodohkan penasihat yang dibayar khas dari luar negara, isu politik negara diperbodohkan oleh Hadi Awang dan banyak lagi.

Kebanyakan kebodohan Najib terserlah kerana orang berkepentingan sedang menggunakannya. Dia mahu ambil tindakan tetapi takut orang lain akan mengugutnya dengan kesalahan "hutang" yang keliling pinggang. Maka wujudlah istilah "aku jaga periuk nasi kau, kau jaga periuk nasi aku".

Saya nampak kebijaksanaan Najib adalah menipu rakyat. Menggunakan kedudukannya, menggunakan media yang dikawal kerajaan untuk kepentingan peribadi, menggunakan menteri-menteri haprak di bawahnya untuk menjaga nama baiknya tetapi semua pembohongan Najib dan menteri-menterinya dimanipulasi kepada fitnah orang lain terhadap Najib.

lanya jelas apa saja isu Najib akan berputar 180 darjah dan Najib akan menjadi bersih dan tidak bersalah ????

Saya berharap selepas PRU14 Najib akan diadili dan dipenjarakan atas semua salah lakunya sebagai penjawat awam no satu negara.

Insya Allah.

9. [Log in to Reply mofaham58](#) Apr 13, 2016 3:29 AM

Assalamualaikum W.Wb.

Tun Dr Mahathir yang saya kasihi,

Cerita tentang 1MDB ini memang sangat berat. Memang Najib telah menggunakan segala saluran dan cara yang ada dengan licik nya untuk menyelamatkan diri nya dari di tangkap. Dia seorang yang licik dan diktator. Ngaku tak ngaku dia dah buat dah.

Cerita tentang RM42billion dia kata tak hilang pun satu pembohongan juga. mana mungkin duit itu tak hilang kalau setelah bayar hutang aset tak ada yang tinggal yang sebelum nya dia berhutang aset itu ada. Kalau dia kata duit itu tak hilang hutang itu dapat di bayar dan aset nya semua masih sedia ada . Itu baru tak hilang.

Menjadi satu kebanggaan pula menggunakan perkataan RATIONALISATION PLAN dan semua di parlimen pun hangguk hangguk kepala berkata "aah RATIONALISATION PLAN." Mereka lupa dengan bersetuju menggunakan perkataan RATIONALISATION PLAN mengesahkan bahwa semua perbuatan 1MDB sebelum ini ADALAH TIDAK RASIONAL. KERANA IA NYA TAK RASIONAL MAKA PERLULAH MELAKUKAN RATIONALISATION PLAN. DI SITU KITA DAH TAHU 1MDB TELAH BERBUAT SALAH. IT SHOULD BE STOPPED THERE AND THEN AND INVESTIGATION CARRIED OUT RIGHT THERE. TAK PERLU NAK HANGGUK DENGAN RATIONALISATION PLAN. BARU LAH NAMPAK NAJIB TERKANGKANG ATAU TIDAK.....KERANA KITA BUANG MASA MEMBENARKAN DENGAN KONON NYA RATIONLISATION PLAN ITU MAKA MEMBERI RUANG UNTUK MEREKA SINGKIRKAN SEMUA BUKTI DAN B.ERTINDAK MEMPERTAHANKAN DIRI.

Atas perbuatan KEJI DAN SALAH LAKU yang di luar batas ini DARI KACA MATA SAYA MENGANGGAP ORANG YANG MELAKUKAN PERKARA TERKUTUK INI SEBAGAI " BANGKAI BERNYAWA". KONCO KONCO NYA JUGA ADALAH BANGKAI BERNYAWA. OLEH KERANA TERLALU BANYAK BANGKAI BAU NYA SUDAH TERLALU BUSUK. LEBIH DI TUTUP BANGKAI BANGKAI ITU BAU NYA AKAN TERLALU BUSUK.

Orang yang mati jika di biarkan akan menjadi bangkai. Islam telah mengajar cara mana supaya mayat tidak menjadi bangkai. Jawapan nya ialah KUBURKAN....DI SUNATKAN UNTUK SEGERA MENGUBURKAN MAYAT.....

AMBIL IKTIBAR DARI SITU.....

Semoga Allah SWT memberikan kesihatan kepada TDM dan keluarga demi menegakkan kebenaran.....

Hope some day we will meet again Tun, wasalam.

10. [Log in to Reply sudin](#) Apr 13, 2016 1:43 AM

Assalam Tun.

Kebanyakan ketua jabatan kerajaan termasuk menteri2 lebih utamakan periok nasi dengan menikmati hidup senang lenang dari mengutamakan kebenaran serta tanggungjawab sebenar yang telah diamanahkan.

Mereka hanya menurut apa saja yang diperkatakan serta dikehandaki oleh Najib.

Sungguh memalukan bangsa Melayu dan negara.

Walaupun diserata dunia Najib (dan Malaysia) dikutuk, termasuk oleh Indonesia, pembohongan terhadap rakyat bukan hanya setakat berterusan tetapi sehinggakan sudah bercanggah menjadi carca-marba dan tak masuk akal.

Najib hanya kekal dikedudukannya disebabkan pengampu, pembodek dan pengecut sentiasa berada kelilingnya.

Mereka semua tu hanya suka menunjuk pangkat dan harta, tapi sebenarnya tak punya maruah diri!

11. [Log in to Reply novo](#) Apr 13, 2016 12:21 AM

Salam Tun.

Najib, cukup-cukup lah dengan penipuan anda tu. Malu lah sikit kerana anda membawa nama allahyarham Tun Razak. Jadi lah lelaki sejati dengan mengaku yang anda sebenarnya seorang yang "lemah" dalam mentadbir Negara. Cara anda di"Perbodoh" oleh BOD 1MDB membuktikan betapa anda tidak bersifat seperi ayahda anda.

Seorang ketua yang telah di tipu oleh orang bawahannya mengesahkan dan menyerlahkan betapa bodoh dan dungu nya anda ini. Amat lah di ragui oleh saya akan Untung Nasib Malaysia di masa hadapan jika KEBODOHAN anda ini di biarkan berterusan.

Saya mengatakan anda "bodoh" dan "mudah di perbodohkan" adalah berlandaskan fakta dan di perkuatkan oleh Saudara Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Mohamed Nazri Abdul Aziz secara tidak sengaja telah mengesahkan yang anda merupakan seorang ketua yang bodoh dan senang untuk di tipu oleh orang bawahan. Nazri Aziz mengatakan yang anda hanya menandatangani dokumen tanpa membacanya terlebih dahulu. Betulkan Najib? Semua dokumen tentang urustadbir 1MDB dan negara amnya akan anda tandatangani membuta tuli?

Jika ini adalah amalan anda, maka saya boleh bertanya satu soalan?

Adakah ini hasil didikan awal Tun Razak, mendidik anda sejak muda untuk menjadi seorang ahli politik tapi beliau lupa untuk memberi pesan kepada anda agar membaca dahulu segala dokumen sebelum menandatangani?

Mungkin Tun Razak telah memberi pesan tapi sebab anda bersifat bodoh sombong maka pesanan itu di abaikan. Sudah lah bodoh, tapi sombong pulak bila hendak di ajar orang.

Taraf anda dengan Tun Razak adalah sama sekarang tapi yang membezakan anda berdua adalah sifat "amanah".

Allahyarham bapa and telah "terbukti" sebagai seorang Perdana Menteri yang "amanah".

Tapi sayang sekali anda "kelihatan" sebagai seorang Perdana Menteri yang "pecah amanah".

Kebodohan terbaru anda yang terbongkar ialah anda membenarkan hutang 1MDB di bayar kepada pihak yang salah. Anda berhutang dengan saya tapi "kedangkalan fikiran" anda telah menyebabkan bayaran dibuat kepada Sharil Samad JB sebanyak RM 1 juta.

Tak ke lucu lawak anda tu?

Sebenarnya lawak bodoh anda ini hanyalah untuk menutup "kejahilan" anda. Anda sebenarnya seorang manusia yang tebal kulit mukanya dan tidak merasa bersalah dan malu diatas kebodohan pentadbiran anda.

Sebenarnya semua menteri lantikan anda sekarang amat sukahati kerana mempunyai anda seorang ketua yang bodoh dan hanya pandai tandatangani dokumen tanpa mengetahui apa isinya. Senanglah mereka menipu anda.

Mereka juga bersyukur kerana sifat tidak tahu malu atau tebal kulit mukan anda membuatkan mereka masih mempunyai masa lagi untuk mempergunakan kebodohan anda.

Syabas di ucapkan ke pada anda Najib, Manusia Bodoh dan Tidak Tahu Malu.

Wassalam

12. [Log in to Reply rimba.emasApr 13,2016 12:17 AM](#)

Salam Tun.

1. Dari mula lagi Rimba Emas tidak percaya bahawa anggota PAC adalah satu badan yang dapat mengesahkan wang itu telah di curi.
2. Walau pun anggotanya turut dianggotai dari Parti pembangkang, tetapi PAC bukanlah dari kalangan profesional yang terlatih mencari wang hilang.
3. Banyak kes kejadian kecurian telah berlaku dan dari rekod tidak semua kes berjaya di kesan.
4. Malah pihak keselamatan negara seperti Polis dan SPRM sendiri memerlukan bantuan kakitangan yang terlatih dengan bantuan peralatan canggih dalam mengesan wang di curi.
5. Tanpa bantuan peralatan di kendali pekerja yang terlatih yang diiktiraf dalam dan luar negara maka PAC samalah macam suruhanjaya yang ditubuh yang hanya membaca fakta tersedia sahaja.
6. PAC terbatas kerana tidak berkebolehan menilai fakta yang benar dengan yang palsu.
7. Sedangkan yang profesional lagi ada yang tidak berjaya menyelesaikan kes dan terpaksa diulang siasatan kembali hingga bertahun-tahun baru mendapat jawapannya inikan pula PAC yang lebih pada ahli politik dari terlatih sebagai penyiasat.
8. Allah s.w.t sahaja yang maha mengetahui dan mengingatkan manusia yang melakukan kesalahan bahawa mereka tidak akan dapat lari lagi seperti di dunia yang dilindungi manusia-manusia.

9. Di akhirat tiada siapa dapat menolong kepada yang menolak kebenaran yang di kehendaki Allah s.w.t. Ingatan inilah sebagai pengobat kepada yang teranaiya ketika di dunia dan amaran kepada pesalah yang akan diazab lebih dashyat dari azab dunia.

Wallahua'lam.

13. [Log in to Reply nafeeznoh](#) Apr 13,2016 12:10 AM

Assalamualaikum Tun..

Baru ni saya ada kesempatan duit.. Biasalah student.. Ada je salah buat kira2 duit yg nak digunakan.. Tapi takpelah.. Rasanya masih larat ni.. Nak pinjam kawan, tebalnya muka ni nanti.. Malulah.. So saya contact adik saya.. Minta tolong boleh tak pinjam duit sikit.. Ingatkan angah berapa je angah dah pinjam.. So takdelah hidup angah ni berhutang.. Adik saya just reply okay, takde hal lah angah. Janji bayar. Lega hati saya.. So lepas diploma ni nak kena kerja sikit lah.. Setel hutang dgn adik pun jadilah.. Dia nak sambung belajar nnti.. Mesti nak pakai duit punya..

Atuk yang disayangi dan disanjung.. Bapa patutnya tahu hutang2 dia.. Rasanya Negara kita sebagai sebuah rumah, mampu nak tanggung perbelanjaan isi rumah.. Malangnya dipinjamnya duit dalam bentuk bayaran itu ini drpd ahli rumah yg lain.. End up sesama adik beradik kita, saudar mara kita punya duit diminta dlm bentuk bayaran.. Bukannya pinjaman.. Kalau Bapa nak pinjam.. Kenapa tak bgtahu? Atuk.. Kenapa mcm ni Bapa buat kpd ahli2 keluarga yg lain? Taktahu ke ahli2 keluarga yg laij pun nak guna duit? Bukan Orang Rumah Bapa shj yg nak shopping. Ahli2 Keluarga yg lain shopping pun beli keperluan pun kadang berkira. Anak ni pun kerja belum lagi, makan sehari sekali sebolehnya jimat punya pasal. Betul ckp Atuk pasal saman malu. Nak ikutkan mat saleh ramai je kaya melalui saman. Bapa tak malu ke kena "tuduh" bukan2? Buatlah duit terus melalui saman dan bayarlah hutang2 kpd Ahli2 Keluarga yg lain. Kasihanilah kami wahai Bapa! Saya berharap Ahli2 Keluarga yg lain kekal menyokong Atuk dlm perjuangan mendidik Bapa supaya pandai berhutang, pandai bayar.

Semoga Tun dipermudahkan segala urusan hendaknya.. Lama saya tggu next post dlm blog Tun ni heheh

14. [Log in to Reply chickenfeet_cf](#) Apr 13,2016 12:09 AM

Salam,..

Sudah tiba masanya menteri menteri,..ketua2 bahagian,..serta lain2 individu dibawah kepimpinan Najib dikenalpasti agar mereka tidak diberi tempat dalam kerajaan akan datang,..

Amatlah merbahaya walaupun salah seorang dari mereka diambil semula,..kerana mereka juga telah membuktikan bahwa mereka hanya taat pd sogokan wang ringgit yg diberi oleh Najib,..

Pastikan impian politik mereka musnah dan jika disabit kesalahan...agar mereka ini dibawa ke muka pengadilan untuk balasan yg setimpal,..

Semua aset mereka yg tidak dapat ditunjuk bukti dimana datangnya hendaklah dirampas....samada dari kalangan famili maupun dari luar,..

Masanya telah tiba untuk rakyat yg menginginkan kebenaran bangkit menuntut hak keadilan untuk bumi Malaysia yg tercinta ini,..

Rakyat marhaen sedang menderitanya...

15. [Log in to Reply Albert](#) Apr 12, 2016 11:20 PM

An update, looks like game over with the latest blunt statement by Swiss AG:
<https://swk.global.ssl.fastly.net/2016/04/the-swiss-ags-latest-statement-decoded/>

16. [Log in to Reply umranrc](#) Apr 12, 2016 10:59 PM

Salam Tun,

Whatever being said here comes back to rule #1 of effective management... "it is always your fault".

What is this unwritten rule is all about? It is about holding the integrity of any institution. To be an effective leader, one must be able to hold the responsibility in a full term without compromise.

Coming back to our issue, how unfortunate that 'we' Malaysians, to have a Chairman of the 1MDB Board of Advisors cum Finance Minister cum Prime Minister to signed away all the dealings of 1MDB yet dare not taking the responsibilities that comes with it. How effective this leadership is?

Mmm... this is bad governance and should be avoided by all cause.

Thanks Tun.

17. [Log in to Reply Albert](#) Apr 12, 2016 10:52 PM

Tun;

Just to share that with Aabar/IPIC confirming that Aabar BVI is not an entity of the group, there is now a USD7,010,000,000 – RM27,268,900,000 mystery (USD3.51M paid to Aabar BVI disappeared, USD3.5B loan due to Aabar/IPIC in June 2016 as Aabar/IPIC did not receive any repayment from 1MDB).

Link: <https://swk.global.ssl.fastly.net/2016/04/deadly-development-in-abu-dhabi-for-najib/>

18. [Log in to Reply Sri Sense](#) Apr 12, 2016 10:45 PM

Tun,

IMAO Kalau Najib kata CEO yang salah then Najib pun salah juga. Kalau CEO buat Najib tak pantau,



Najib salah juga. Macam mana boleh kata tak salah.

19. [Log in to Reply Sri Sense](#) Apr 12, 2016 10:29 PM

Salam Tun



Setuju, Najib is the chairperson of the board of advisors.

1MDB pula 1 Malaysia Development Berhad.



Goodnight.



© 2016 — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2065>